

**Tajuk:Take 5, Setiap Hari Menyanyikan Lagu Negaraku Dan Membaca ikrar Rukun Negara.**

Ringkasan: Datuk Halimah Sadique Menteri Perpaduan negara telah melancarkan "Take 5" dan secara langsung kana-kanak akan menyanyi lagu negaraku dan membaca ikrar setiap hari.

Beliau berkata, penghayatan prinsip Rukun Negara ini bukan hanya sekadar ada pada kulit belakang buku sekolah, sebaliknya mahu objektifnya dihayati setiap kanak-kanak,

Pelancaran Norma Baharu "Take 5" di Tabika dan Taska Genius JPNIN di Dewan Keusahawanan Kompleks Perpaduan Daerah Machang melibatkan melibatkan 1,781 Tabika Perpaduan dan 41 taska genius di bawah JPNIN.

Halimah berkata bagi pemantapan program berkenaan, kementerian turut bekerjasama dengan tiga kementerian lain iaitu Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi.

"Take 5 ini perlu menjadi amalan wajib dan penggunaan maskot animasi 'Boboiboy' dengan watak Papa Zola dan Pipi Zola membolehkan kanak-kanak senang tertarik untuk menghafal lagu 'Ayuh Cuci Tangan'.

"Lagu ini melatih kanak-kanak mencuci tangan dengan cara yang betul menggunakan sabun untuk mencegah penyakit COVID-19, selain aktiviti riadah untuk kanak-kanak," katanya.